SIRI PENGAJIAN FIQH ISLAM

PUASA-PUASA SUNAT & HARI-HARI DILARANG BERPUASA

Oleh;
USTAZ AHMAD ADNAN BIN FADZIL

WAWASAN UMMAH ENTERPRISE

PUASA SUNAT &
HARI-HARI DILARANG BERPUASA

Oleh:

Ahmad Adnan Bin Fadzil

Terbitan pertama: Jun 2010

Diterbitkan oleh:
Wawasan Ummah Enterprise,
No. 12, Jalan Teja 1, Taman Teja,
06010 Changloon, Kedah.
Tel/Faxs: 04-9249021
(email; ilmudanulamak@yahoo.com)

بسم الله الرحمن الرحيم، الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين، أما بعد:

KANDUNGAN BUKU

PUASA-PUASA SUNAT

BERPUASA DI SETIAP BULAN

Adakah kita disunatkan berpuasa setiap bulan?

Ya. Kita disunatkan berpuasa setiap bulan. Seboleh-bolehnya jangan berlalu bulan tanpa kita berpuasa, sama ada dengan puasa tiga hari setiap bulan, puasa isnin dan khamis atau puasa-puasa lain yang disunatkan.

Menurut ulamak, puasa sunat harus dilakukan pada mana-mana hari di sepanjang tahun kecuali di bulan Ramadhan, hari raya dan hari-hari Taysriq.[1] Namun demikian, digalakkan kita memilih hari-hari khusus yang disunatkan oleh Rasulullah s.a.w. kita berpuasa yang akan kita terangkan nanti.

Apakah bulan terbaik untuk berpuasa sunat?

Bulan terbaik untuk berpuasa setelah bulan Ramadhan ialah bulan Muharram. Diikuti selepasnya bulan-bulan haram yang lain iaitu Dzul-Qaedah, Dzul-Hijjah dan Rejab.[2] Setelah itu bulan Sya'ban.

PUASA BULAN MUHARRAM

Apakah dalilnya bahawa bulan Muharram bulan terbaik untuk puasa sunat?

Iaitulah sabda Nabi s.a.w.; "Puasa yang paling baik selepas Ramadhan ialah puasa pada bulan Muharram. Solat yang paling baik selepas yang fardhu ialah solat malam" (Riwayat Imam Muslim dari Abu Hurairah r.a.). Berdasarkan hadis ini, kita digalakkan banyak berpuasa di bulan Muharram.[3]

Apa hikmah kelebihan puasa di bulan Muharram itu?

Sebahagian ulamak berkata; kelebihan bulan Muharram itu adalah kerana di dalamnya ada hari 'Asyura. Namun menurut Imam al-Qurthubi; 'Kelebihan bulan Muharram adalah kerana ia merupakan awal tahun. Apabila seseorang menyambut awal tahunnya dengan berpuasa, adalah diharapkan Allah akan mencukupkannya pada bulan-bulan selebihnya. Puasa adalah antara amalan hamba yang terbaik (kepada Allah) dan pernah disebut oleh Nabi s.a.w. sebagai dhiya' (ضياء) yang bermaksud cahaya'.[4]

---

[1] Soheh Muslim Bisyarhi an-Nawawi, jil. 8, hlm. 41.
[2] Kifayatul-Akhyar, hlm. 207.
[3] Al-Wajiz, Syeikh Mustafa al-'Adawi, hlm. 206.
[4] Raudhatul-Muttaqien Syarh Riyadhus-Salihien, jil. 3, hlm. 182.

PUASA DI BULAN-BULAN HARAM

Apakah dalilnya bagi kelebihan berpuasa dalam bulan-bulan haram secara amnya?

Diriwayatkan dari Mujibah al-Bahiliyyah dari bapanya atau bapa saudaranya yang menceritakan bahawa dia telah datang kepada Rasulullah s.a.w., kemudian ia pulang. Setelah setahun berlalu ia datang semula bertemu Rasulullah, namun keadaan tubuh-badannya telah banyak berubah[5] (sehingga Rasulullah tidak mengecamnya). Lalu ia bertanya Rasulullah; "Tidakkah kamu mengenali saya?". Jawab baginda; "Siapakah kamu?". Ia menjawab; "Saya adalah al-Bahili yang datang bertemu denganmu setahun yang lalu". Lalu baginda berkata kepadanya; "Apa yang telah mengubahmu sedangkan kamu dulunya seorang yang elok tubuh-badan/rupa-parasnya". Jawabnya; "Saya tidak menikmati makanan semenjak selepas saya berpisah dengan kamu (setahun yang lalu) kecuali di waktu malam sahaja".[6] Lalu Rasulullah berkata kepadanya; "Engkau telah menyiksa diri engkau". Kemudian baginda berkata; "Berpuasalah pada bulan sabar (yakni bulan Ramadhan) dan satu hari pada setiap bulan". Ia menjawab; "Tambahkanlah kepadaku ya Rasulullah kerana aku sesungguhnya memiliki kemampuan". Baginda berkata; "Puasalah dua hari (setiap bulan)". Ia menjawab lagi; "Tambahkan lagi kepadaku". Baginda berkata; "Puasalah tiga hari". Ia menjawab lagi; "Tambahkanlah lagi". Kemudian baginda bersabda kepadanya; "Puasalah pada (beberapa hari dari) bulan-bulan haram dan tinggalkanlah (beberapa hari yang lain jangan berpuasa)….(baginda menyebutnya 3 kali)".[7] Baginda bersabda demikian sambil ia menunjukkan tiga jarinya, kemudian ia menggenggamnya dan kemudian melepaskannya kembali".[8] (Riwayat Imam Abu Daud)

Hadis ini menjadi dalil bahawa disyari'atkan berpuasa pada bulan-bulan Haram (iaitu Dzul-Qaedah, Dzul-Hijjah, Muharram dan Rejab), namun demikian hendaklah jangan berpuasa pada keseluruhan hari atau sebulan penuh.[9]

---

[5] Yakni badannya telah menjadi kurus dan lemah. (Raudhatul-Muttaqien, jil. 3, hlm. 251).

[6] Yakni ia berpuasa senantiasa. (Raudhatul-Muttaqien).

[7] Maknanya; pada setiap bulan haram (yakni Rejab, Dzul-Qaedah, Dzul-Hijjah dan Muharam) kamu berpuasa beberapa hari dan kamu berbuka (yakni tidak berpuasa) beberapa hari. (Raudhatul-Muttaqien, jil. 3, hlm. 252)

[8] Makna isyarat Nabi s.a.w. dengan tiga jari itu ialah; hendaklah ia jangan berpuasa berturut-turut melebihi tiga hari. Dalam pengertian yang lain, setiap berpuasa tiga hari, maka hendaklah ia berbuka (yakni tidak berpuasa) sehari atau dua hari kemudian barulah berpuasa pula jika ia menghendaki. Harus juga dimengertikan dengan berpuasa dan berbuka setiap tiga hari (yakni berpuasa tiga hari dan berbuka (tidak berpuasa) tiga hari). Penafsiran yang kita kemukakan ini adalah dari pandangan Imam as-Sanadi. (Lihat; Raudhatul-Muttaqien, jil. 3, hlm. 252).

[9] Nailul-Authar, jil. 4.

PUASA BULAN REJAB

Apakah ada kelebihan khusus bagi puasa di bulan Rejab?

Tidak ada kelebihan khusus bagi puasa bulan Rejab selain dari kedudukannya sebagai salah satu dari bulan-bulan Haram yang dinyatakan tadi.

Said bin Jubair r.a. (seorang Tabi'iin) pernah ditanya berkenaan puasa Rejab. Beliau menjawab; Aku telah mendengar Ibnu 'Abbas r.a. berkata; "Adalah Rasulullah s.a.w. kadang-kadang terus-menerus berpuasa hingga kami menganggap beliau tidak berbuka langsung, dan kadang-kadang beliau terus-menerus berbuka hingga kami menganggap beliau tidak berpuasa langsung" (Riwayat Imam Muslim).

Dengan berdalil hadis dari Ibnu 'Abbas tersebut, Imam Said bin Jubair ingin menjelaskan kepada kita bahawa hukum berpuasa di bulan Rejab sama seperti berpuasa di bulan-bulan yang lain iaitu tidak ada tegahan dan tidak ada galakan secara khusus. Cuma berpuasa pada asasnya memang digalakkan pada setiap bulan dan lagipun terdapat pula hadis mensunatkan kita berpuasa di bulan-bulan Haram di mana bulan Rejab tergolong di dalamnya.[10]

PUASA SYA'BAN

Adakah disunatkan berpuasa penuh di bulan Sya'ban?

Ya. Disunatkan berpuasa keseluruhan hari di bulan Sya'ban atau kebanyakan harinya. Ini berdasarkan hadis dari Ummu Salamah r.a. yang menceritakan; "Tidak pernah Nabi s.a.w. berpuasa (sunat) sebulan penuh dalam setahun kecuali di bulan Sya'ban di mana baginda menyambungnya dengan Ramadhan" (HR Imam Abu Daud dan an-Nasai). 'Aisyah pula menceritakan; "Rasulullah s.a.w. kadang-kadang terus-menerus berpuasa hingga kami menganggap beliau tidak berbuka langsung, dan kadang-kadang beliau terus-menerus berbuka hingga kami menganggap beliau tidak berpuasa langsung. Namun demikian, aku tidak pernah melihat Rasulullah berpuasa sebulan penuh melainkan pada bulan Ramadhan, dan aku tidak pernah melihat beliau paling banyak berpuasa sebagaimana beliau berpuasa di bulan Sya'ban". (Riwayat Imam Bukhari dan Muslim).

Menurut ulamak; difahami dari hadis-hadis di atas bahawa Nabi s.a.w. adakalanya berpuasa sebulan penuh di bulan Sya'ban dan adakalanya baginda tidak berpuasa sebulan penuh tetapi pada kebanyakan harinya sahaja.[11]

Apa hikmahnya Rasulullah s.a.w banyak berpuasa di bulan Sya'ban?

Seorang sahabat bernama Usamah bin Zaid r.a. pernah bertanya Nabi s.a.w. kenapa beliau banyak berpuasa di bulan Sya'ban? Nabi s.a.w. menjawab; "Bulan Sya'ban itu adalah bulan yang

[10] Soheh Muslim Bisyarhi an-Nawawi, jil. 8, hlm. 41.
[11] Fiqh al-'Ibadat, Hasan Ayyub, hlm. 431.

selalu dilupai oleh manusia di mana kedudukannya di tengah antara Rejab dan Ramadhan. Namun ia adalah bulan diangkat amalan-amalan hamba kepada Tuhan Pencipta Alam. Maka aku menyukai amalanku diangkat ketika aku berpuasa" (Riwayat Imam an-Nasai. Hadis menurut Syeikh al-Albani adalah hasan)

Apakah kelebihan malam nisfu Sya'ban?

Sabda Nabi s.a.w.; "Pada malam nisfu Sya'ban Allah melihat kepada sekelian makhlukNya. Lalu Dia mengampunkan ke semua mereka kecuali orang musyrik dan orang yang bermusuh dengan saudara seagama" (HR Imam at-Thabrani dan Ibnu Hibban dari Mu'az bin Jabal r.a).

HARI-HARI DISUNATKAN BERPUASA

Apakah hari-hari yang disunatkan kita berpuasa?

1. Enam hari di bulan Syawal
2. Hari-hari awal Zulhijjah (hari pertama hingga sembilan)
3. Hari 'Arafah.
4. Hari 'Asyura
5. Tiga hari setiap bulan Islam
6. Hari-hari putih
7. Isnin dan Khamis
8. Puasa Nabi Daud a.s.

ENAM HARI SYAWAL

Apakah dalil bagi kelebihan berpuasa di bulan syawal?

Dalilnya ialah sabda Nabi s.a.w.; "Sesiapa berpuasa bulan Ramadhan, kemudian ia ikuti dengan berpuasa enam hari di bulan syawal, maka ia seolah-olah berpuasa setahun" (HR Imam Muslim dari Abu Ayyub al-Ansari r.a.)

Adakah disyaratkan puasa enam hari itu dilakukan berturut-turut?

Tidak disyaratkan. Harus diselang-selikan asalkan dalam bulan Syawal dan bilangannya mencukupi enam hari. Namun yang terbaik (afdhal) ialah melakukannya berturut-turut dan lebih afdhal lagi memulainya dari dua syawal.

Jika seseorang itu mempunyai puasa Ramadhan yang perlu diqadhanya, adakah harus ia berpuasa enam sebelum mengqadha puasanya?

Harus kerana puasa qadha Ramadhan memiliki waktu yang panjang untuk dilakukan iaitu sehingga Ramadhan tahun berikutnya, adapun puasa enam hari di bulan Syawal waktunya adalah terhad. Namun jika kita dapat melakukan puasa qadha terlebih dahulu, kemudian diikuti dengan puasa Syawal, itu yang terbaik kerana kita mendahulukan ibadah yang wajib ke atas yang sunat.

Dan ada ulamak berpendapat; harus kita meniatkan keduanya sekali dalam satu puasa, tetapi yang terbaik kita memisahkannya kerana akan memperbanyakkan amalan kita kepada Allah.

PUASA AWAL ZULHIJJAH

Apakah dalil bagi galakan berpuasa di awal Zulhijjah?

Hafsah r.a. menceritakan; "Empat amalan yang tidak ditinggalkan Rasulullah s.a.w. iaitu; puasa 'Asyura, puasa al-'asyr, puasa tiga hari pada setiap bulan dan solat dua rakaat sebelum subuh". (Riwayat Imam Abu Daud dan an-Nasai)

Menurut ulamak hadis; maksud puasa al-'asyr dalam hadis di atas ialah hari pertama Zulhijjah hingga hari ke sembilannya.[12] Disunatkan berpuasa pada hari-hari tersebut terutamaya pada hari ke sembilan iaitu hari 'Arafah berdasarkan dalil yang akan kita sebutkan nanti.[13]

Selain berpuasa, kita juga digalakkan beramal dengan amalan-amalan kebaikan pada hari-hari tersebut kerana Nabi s.a..w bersabda dalam hadis yang lain; "Tidak ada hari yang paling disukai Allah untuk melakukan amal soleh melebihi hari-hari tersebut (yakni hari-hari awal Zulhijjah tersebut)" (Riwayat Imam Bukhari dari Ibnu 'Abbas r.a.).[14]

PUASA HARI 'ARAFAH

Bilakah hari 'Arafah? Apa dalil bagi kelebihan puasa hari 'Arafah?

Hari 'Arafah ialah hari sembilan Zulhijjah. Ia adalah hari terbaik sepanjang tahun kerana Nabi s.a.w. bersabda; "Tidak ada hari yang paling banyak Allah membebaskan hambanya pada hari tersebut dari neraka dari hari 'Arafah" (Riwayat Imam Muslim).

Adapun disunatkan berpuasa pada hari tersebut, dalilnya ialah; hadis dari Abu Qatadah r.a. yang menceritakan; Nabi s.a.w. ditanya tentang puasa hari 'Arafah. Baginda bersabda; "(Puasa hari itu) dapat menghapus dosa tahun lalu dan yang akan datang" (Riwayat Imam Muslim).

Adakah sunat berpuasa pada hari 'Arafah itu ada pengecualian?

Ya. Dikecualikan dari jamaah haji. Mereka tidak disunatkan berpuasa pada hari tersebut sebagai mencontohi Nabi s.a.w. dan juga untuk menjaga kekuatan bagi memperbanyakkan berdoa pada hari itu.

Maimunah isteri Rasulullah s.a.w. menceritakan; orang ramai ragu-ragu apakah Rasulullah s.a.w. berpuasa atau tidak pada hari 'Arafah. Lalu ia (yakni Maimunah) menghantar kepada baginda satu bekas berisi susu tatkala baginda sedang berwukuf di Padang 'Arafah itu. Lalu baginda meminum susu tersebut dengan dilihat oleh orang ramai kepadanya (Riwayat Imam Muslim).

---

[12] Soheh Muslim Bisyarhi an-Nawawi, kitab al-I'tikaf, bab Shaumi 'Asyri Zilhijjah.
[13] Lihat Nailul-Authar, 4/239.
[14] Nailul-Authar, 3/312.

Malah terdapat tegahan dari Nabi s.a.w. sebagaimana yang diceritakan oleh Abu Hurairah r.a.; "Sesungguhnya Nabi s.a.w. menegah dari berpuasa pada hari 'Arafah bagi jamaah haji yang berada di 'Arafah" (Riwayat Imam Abu Daud, Ahmad, Ibnu Majah dan al-Hakim).

PUASA HARI 'ASYURA

Bilakah hari 'Asyura? Apakah dalil disunatkan berpuasa pada hari 'Asyura'?

Hari 'Asyura ialah hari sepuluh Muharram. Abi Qatadah r.a. meriwayatkan; Nabi s.a.w. pernah ditanya tentang berpuasa pada hari 'Asyura? Baginda menjawab; "Puasa di hari itu akan menghapuskan dosa tahun yang lalu" (Hadis riwayat Imam Muslim).

Adakah kita juga disunatkan berpuasa pada sembilan Muharram?

Ya. Hari itu dinamakan Tasu'a. Dalil disunatkan berpuasa hari itu ialah hadis dari Ibnu 'Abbas r.a. yang menceritakan; "Tatkala Rasulullah s.a.w. berpuasa pada hari 'Asyura dan memerintahkan agar para sahabat turut berpuasa, mereka bertanya; 'Ya Rasulullah! Bukankah ia (yakni 'Asyura itu) merupakan hari yang diagungkan oleh Yahudi dan Nasara? Lalu baginda bersabda; "Tahun akan datang -dengan kehendak Allah- kita berpuasa pada hari ke sembilan". Berkata Ibnu 'Abbas; belum sempat tiba tahun hadapan, Rasulullah s.a.w. telah diwafatkan (Riwayat Imam Muslim).

Berdasarkan hadis ini, kita disunatkan berpuasa pada kedua-dua hari iaitu hari ke 9 dan hari ke 10 Muharram kerana Nabi s.a.w. telah berpuasa pada hari ke 10 dan berniat untuk berpuasa pada hari ke 9.

PUASA TIGA HARI SETIAP BULAN

Apakah dalil disunatkan berpuasa tiga hari setiap bulan?

Sabda Nabi s.a.w.; "Berpuasa tiga hari pada setiap bulan seumpama berpuasa sepanjang masa" (HR Imam al-Bukhari dan Muslim dari Abdullah bin 'Amru r.a.). Abu Hurairah r.a. juga pernah menceritakan; "Temanku (yakni Rasulullah s.a.w.) telah mewasiatkanku dengan tiga perkara;
1. Berpuasa tiga hari pada setiap bulan.
2. Mengerjakan dua rakaat solat dhuha.
3. Menunaikan solat witir sebelum aku tidur".
(Riwayat Imam Bukhari dan Muslim)

Apa hari-hari terbaik untuk berpuasa tiga hari setiap bulan tersebut?

Hari terbaik untuk berpuasa tiga hari tersebut ialah hari ke 13, 14 dan 15 pada setiap bulan. Bulan yang dimaksudkan ialah bulan Islam, bukan bulan Masihi. Hari-hari tersebut dinamakan dengan hari-hari putih dan mempunyai fadhilat khusus yang akan kita sebutkan nanti.

Namun jika tidak dapat memilih hari-hari tersebut, harus memilih hari-hari lain asalkan

mencukupi tiga hari. Ini berdalilkan riwayat dari Mu'azah al-'Adawiyyah r.a. yang menceritakan bahawa ia bertanya Saidatina 'Aisyah r.a.; "Adakah Rasulullah berpuasa tiga hari dari setiap bulan?". Jawab 'Aisyah; "Ya". Aku bertanya lagi kepadanya; "Pada hari-hari yang mana dalam sebulan itu baginda berpuasa?". Aisyah menjawab; "Baginda tidak menghiraukan hari-hari mana dalam sebulan itu untuk ia berpuasa (yakni baginda tidak mengkhususkan hari-hari tertentu untuk berpuasa)" (Riwayat Imam Muslim).

Melihat kepada amalan Sahabat dan Tabi'in; Saidina Umar bin al-Khattab, Ibnu Mas'ud, Abu Dzar dan ulamak-ulamak mazhab Syafi'ie memilih berpuasa pada tanggal 13, 14 dan 15 iaitu hari-hari putih tadi. Imam an-Nakha'ie dan beberapa ulamak yang lain memilih tiga hari di akhir bulan. Sebahagian ulamak yang lain –antaranya Imam al-Hasan- memilih tiga hari di awal bulan. Saidatina Aisyah r.a. dan sekumpulan ulamak memilih untuk berpuasa pada hari Sabtu, Ahad dan Isnin pada suatu bulan dan hari Selasa, Rabu dan Khamis pada bulan berikutnya. Imam Malik pula berpuasa pada hari pertama, hari ke sepuluh dan hari ke dua puluh pada setiap bulan". (Soheh Muslim Bisyarhi an-Nawawi, jil. 8, hlm. 53-54).

PUASA HARI-HARI PUTIH

Apakah fadhilat berpuasa pada hari-hari putih? Kenapa dinamakan hari-hari putih?

Diriwayatkan juga dari Qatadah bin Milhan (ملحان) r.a. yang menceritakan; "Rasulullah s.a.w. memerintahkan kami supaya berpuasa pada hari-hari putih iaitu hari ke 13, 14 dan 15 di mana baginda bersabda; 'Berpuasa pada ketiga-tiga hari itu seumpama berpuasa sepanjang masa" (Riwayat Imam Abu Daud).

Rasulullah s.a.w. pernah berpesan kepada Abu Zarr r.a.; "Wahai Abu Zarr! Apabila kamu berpuasa tiga hari dari setiap bulan, maka berpuasalah pada hari ke 13, 14 dan 15". (Riwayat Imam at-Tirmizi. Menurut beliau; hadis ini hasan soheh)

Hari-hari tersebut dinamakan sebagai "أيام البيض" (hari-hari putih) kerana pada malam-malamnya bulan mengambang dan cerah.[15]

ISNIN DAN KHAMIS

Apakah dalilnya disunatkan berpuasa hari Isnin dan Khamis?

Pertama; diriwayatkan dari 'Aisyah r.a. menceritakan bahawa; "Adalah Rasulullah s.a.w. amat menjaga puasa pada hari Isnin dan Khamis" (Riwayat Imam Tirmizi. Menurut beliau, hadis ini hasan soheh).

Kedua; Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda; "Dibentangkan amalan-amalan di hadapan Allah pada hari Isnin dan Khamis. Maka aku menyukai dibentang amalanku (di hadapan Allah) pada ketika aku berpuasa" (Riwayat Imam Tirmizi).

[15] Raudhatul-Muttaqien, jil. 3, hlm. 261.

Ketiga; Abi Qatadah menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. ditanya tentang puasa hari Isnin. Baginda menjawab; "Itulah hari aku dilahirkan dan hari aku diutuskan (menjadi Nabi) atau hari diturunkan wahyu kepadaku" (Hadis riwayat Imam Muslim).

PUASA NABI DAUD

Apa yang dimaksudkan dengan puasa Nabi Daud a.s.? Apa fadhilatnya?

Puasa Nabi Daud a.s. bermaksud; puasa sehari dan berbuka sehari dengan mengecualikan hari-hari yang diharamkan berpuasa iaitu dua hari raya dan hari-hari Tasyriq (11, 12 dan 13 Dzul-Hijjah). Kelebihannnya ialah sabda Nabi s.a.w.; "Sesungguhnya puasa yang paling disukai Allah ialah puasa Nabi Daud dan solat yang paling disukai Allah ialah solat Nabi Daud; beliau tidur separuh malam, bangun (mengerjakan solat) sepertiganya dan tidur semula sepernamnya. (Adapun puasa pula) beliau berpuasa sehari dan beliau berbuka (yakni tidak berpuasa) sehari" (Riwayat Imam Muslim dari Abdullah bin 'Amru r.a.).

*****_**Wallahu A'lam Bis-Shawab**_*****

HARI-HARI DILARANG BERPUASA

HARI-HARI MAKRUH BERPUASA

Apakah hari-hari yang dimakruhkan berpuasa?

1. Mengkhususkan hari jumaat untuk berpuasa
2. Mengkhususkan hari sabtu untuk berpuasa
3. Shaum ad-Dahr
4. Shaum wishal
5. Berpuasa hari ‘Arafah bagi jamaah haji

PUASA HARI JUMAAT

Apa dalil makruh mengkhususkan hari Jumaat untuk berpuasa?

Iaitu sabda Nabi s.a.w.;

لاَ يَصُمْ أَحَدُكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ، إِلاَّ أَنْ يَصُومَ قَبْلَهُ أَوْ يَصُومَ بَعْدَهُ

“Janganlah seseorang dari kamu berpuasa pada hari Jumaat kecuali ia berpuasa sebelumnya atau berpuasa selepasya”. (Riwayat Imam Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah r.a.)

Hadis ini menunjukkan bahawa dilarang berpuasa hari jumaat secara bersendirian.[16] Larangan tersebut menurut ulamak ialah larangan makruh, bukan larangan haram. Jika didahului dengan puasa sehari sebelumnya atau diikuti dengan puasa sehari selepasnya, maka terangkatlah hukum makruh itu.[17]

Begitu juga, terangkat hukum makruh jika puasa hari jumaat itu adalah kerana berbetulan dengan kebiasaan berpuasa.[18] Sabda Nabi s.a.w.;

---

[16] Inilah pandangan mazhab Syafi’ie dan Ahmad. Adapun Imam Malik dan Abu Hanifah, mereka tidak memakruhkan mengkhususkan puasa pada hari jumaat tersebut kerana menurut mereka hari jumaat adalah suatu hari dan hukumnya menyamai hari-hari lain. (al-Mughni, Imam Ibnu Qudamah, 3/118).

[17] Dalam hadis yang lain;

عَنْ جُوَيْرِيَةَ بِنْتِ الْحَارِثِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ عَلَيْهَا يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَهِيَ صَائِمَةٌ فَقَالَ أَصُمْتِ أَمْسِ قَالَتْ لَا قَالَ تُرِيدِينَ أَنْ تَصُومِي غَدًا قَالَتْ لَا قَالَ فَأَفْطِرِي

Dari Juwairiyah binti al-Harith r.a. (isteri Nabi s.a.w.) yang menceritakan; Nabi s.a.w. masuk menemuinya pada hari Jumaat. Pada hari itu ia sedang berpuasa. Lalu Nabi bertanya kepadanya; “Adakah kamu berpuasa kelmarin?”. Jawab Juwairiyah; “Tidak”. Nabi tanya lagi; “Adakah kamu ingin berpuasa besok?”. Jawabnya; “Tidak”. Maka Nabi berkata kepadanya; “Bukalah”. (Riwayat Imam al-Bukhari).

[18] Seperti seorang yang biasa berpuasa selang sehari, lalu jatuh pada hari jumaat. Begitu juga, orang yang biasa berpuasa hari pertama setiap bulan atau hari terakhir setiap bulan atau hari di tengah-tengah bulan. (al-Mughni, Ibnu Qudamah, 3/118).

لاَ تَخْتَصُّوا لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ بِقِيَامٍ مِنْ بَيْنِ اللَّيَالِي، وَلاَ تَخُصُّوا يَوْمَ الْجُمُعَةِ بِصِيَامٍ مِنْ بَيْنِ الأَيَّامِ، إِلاَّ أَنْ يَكُونَ فِي صَوْمٍ يَصُومُهُ أَحَدُكُمْ

"Janganlah kamu mengkhususkan malam Jumaat untuk bangun beribadah di antara malam-malam yang ada dan janganlah juga kamu mengkhususkan hari Jumaat untuk berpuasa di antara hari-hari yang ada, kecualilah jika ia berbetulan dengan puasa yang biasa dikerjakan oleh seseorang dari kamu". (Riwayat Imam Muslim dari Abu Hurairah r.a.)

Apakah hikmah larangan tersebut?

Ada beberapa pandangan ulamak;
1. Sebahagian ulamak menyebutkan; hikmahnya ialah ialah untuk memelihara kekuatan supaya dapat melaksanakan dengan jayanya amalan-amalan yang digalakkan pada hari Jumaat di mana berpuasa mungkin menyebabkan seseorang itu lemah dan tidak bersemangat.
2. Ada ulamak yang berpendapat hikmah larangan tersebut ialah untuk tidak menyamai orang-orang Yahudi yang melampau-lampau membesarkan hari kebesaran mereka (hari Sabtu).
3. Pendapat lain menyebutkan; kerana hari Jumaat adalah hari raya dan hari makan-minum bagi orang Islam.

PUASA HARI SABTU

Apa dalil larangan mengkhususkan hari sabtu untuk berpuasa?

Sabda Rasulullah s.a.w.;

لا تصُومُوا يومَ السَّبتِ إِلاَّ فِيمَا افتُرِضَ عَلَيكُمْ

"Janganlah kamu berpuasa pada hari Sabtu kecuali yang difardhukan ke atas kamu". (Riwayat Imam at-Tirmizi dari Abdullah bin Busr dari saudara perempuannya)

Maksud larangan dalam hadis di atas ialah mengkhususkannya untuk berpuasa. Hukumnya adalah makruh.[19] Dikecualikan dari larangan tersebut jika didahului dengan puasa pada hari sebelumnya atau diikuti dengan hari selepasnya. Begitu juga, dikecualikan jika berpuasa pada hari sabtu itu kerana berbetulan dengan kebiasaannya sebagaimana contoh tadi.

Apa hikmah larangan berpuasa hari sabtu tersebut?

Menurut ulamak; hikmah larangan mengkhususkan puasa pada hari Sabtu ialah kerana ia merupakan hari kebesaran orang Yahudi.

[19] Menurut mazhab Syafi'ie. Begitu juga mazhab Hanbali sebagaimana ditegaskan oleh Imam Ibnu Qudamah dalam al-Mughni (3/118).

Adakah turut dimakruhkan mengkhususkan puasa pada hari Ahad?

Ya, melihat kepada hikmah larangan mengkhususkan puasa pada hari sabtu di atas, dimakruhkan juga mengkhususkan puasa pada hari Ahad kerana ia merupakan hari kebesaran orang Nasrani (Kristian).[20] Namun larangan ini ternafi apabila hari-hari ini digabungkan seperti berpuasa pada hari Jumaat dan Sabtu atau hari Sabtu dan hari Ahad. Ini kerana tidak ada penganut agama yang mengagungkan ke semua hari-hari ini serentak, maka tidak ada penyerupaan di sini. Malah terdapat riwayat dari isteri Nabi s.a.w. Ummu Salamah yang menceritakan;

كَانَ أَكْثَرَ صَوْمِهِ السَّبْتُ وَالأَحَدُ، وَيَقُوْلُ: هُمَا يَوْمَا عَيْدِ الْمُشْرِكِيْنَ، فَأُحِبُّ أَنْ أُخَالِفَهُمْ

"Kebanyakan puasa Rasulullah ialah pada hari Sabtu dan Ahad. Baginda berkata; 'Dua hari itu adalah hari perayaan orang-orang Musyrikin, maka aku ingin menyalahi (yakni berbeza dengan) mereka'". (Riwayat Imam Ahmad, Thabrani dan al-Hakim).

Begitu juga, larangan tersebut terangkat jika puasa hari Ahad itu kerana berbetulan dengan kebiasaan sebagaimana puasa pada hari jumaat dan hari sabtu tadi.

PUASA SETIAP HARI

Apa maksud Shaum ad-Dahr?

Iaitu berpuasa setiap hari tanpa diselangi langsung. Para ulamak berbeza pandangan tentang hukumnya;[21]
1. Menurut mazhab az-Dzahiri; hukumnya adalah haram berdalilkan makna zahir hadis-hadis yang melarangnya.
2. Jumhur ulamak berpandangan ia adalah harus dengan syarat tidak melibatkan hari-hari yang diharamkan berpuasa iaitu hari raya dan hari Tasyriq.[22]
3. Namun menurut mazhab Syafi'ie; hukumnya adalah makruh jika dilakukan oleh orang yang dibimbangi akan memudaratkan dirinya atau menjadi penyebab ia mengabaikan tugas dan tanggungjawabnya (kepada isteri, keluarga, tempat kerja dan sebagainya). Jika tidak ada kebimbangan tersebut, tidaklah dimakruhkan puasa setiap hari tersebut, malah disunatkan kerana puasa adalah antara ibadah yang paling baik.

---

[20] Menurut penjelasan Imam Ibnu Qudamah dalam kitab al-Mugni; ulamak-ulamak Hanbali memakruhkan mengkhususkan puasa pada hari Nairuz dan hari Mahrajan kerana dua hari tersebut diagungkan oleh orang-orang kafir, maka mengkhususkan dua hari tersebut dengan puasa tanpa berpuasa pada hari-hari lain akan dilihat menyerupai perbuatan mereka, maka dimakruhkan sebagaimana hari sabtu. Dengan mengkiaskan kepadanya, maka dimakruhkan mengkhususkan puasa pada setiap hari perayaan orang kafir atau hari yang diagungkan mereka. (al-Mugni, 3/118). (Namun Syeikh 'Abdus-Salam Muhammad 'Ali Syahin yang mengkomentar kitab al-Mughni tersebut mengulaskan; hukum makruh berpuasa pada hari perayaan atau hari kebesaran orang kafir itu adalah jika mereka membesarkannya dengan berpuasa. Jika mereka tidak membesarkannya dengan berpuasa, tidaklah berpuasa hari itu dapat dikatakan menyerupai mereka; lihat nota kaki no. 2 di halaman 118).

[21] Syarah Soheh Muslim, Imam Nawawi, juz. 8, kitab as-Shiyam, bab an-Nahyi 'an Shiyam ad-Dahr…

[22] Di antara yang berpandangan harus ialah Imam Ahmad dan Imam Malik. Berkata Imam Ahmad; jika ia (yakni orang yang mengamalkan Shiyam ad-Dahr) berbuka pada dua hari raya dan hari-hari Tasyriq, maka aku mengarapkan perbuatannya itu tidak mengapa (yakni tidak berdosa)" (al-Mughni, 3/119).

Ulamak yang mengharamkannya mereka berdalilkan beberapa hadis, antaranya;

لاَ صَامَ مَنْ صَامَ الأَبَدَ

"Tidak ada puasa sesiapa yang berpuasa sepanjang masa". (Riwayat Imam al-Bukhari dari Abdullah bin 'Amru r.a.)

Namun ulamak-ulamak yang mengharuskannya memberi beberapa jawapan terhadap hadis tersebut;
1. Hadis tersebut merujuk kepada makna hakikinya iaitu orang yang melakukannya telah berpuasa sepanjang tahun termasuk berpuasa pada hari raya dan juga hari-hari Tasyriq. Jawapan inilah yang diberikan oleh 'Aisyah r.a..
2. Hadis tersebut merujuk kepada orang yang menimbulkan mudarat pada dirinya (dengan puasa setiap hari tersebut) atau membawanya mengabaikan tugasnya. Ini berdalilkan larangan Nabi terhadap 'Abdullah bin 'Amru kerana baginda mengetahui masa depannya iaitu ia akan mengalami kelesuan dan kelemahan di hujung umurnya kerana amalan puasa setiap hari itu. Adapun kepada seorang sahabat yang lain iaitu Hamzah bin 'Amru, baginda memberi keizinan kepadanya kerana baginda mengetahui puasa itu tidak akan memudaratkannya.
3. Maksud hadis ialah; orang yang berpuasa setiap hari ia tidak akan merasai lagi apa itu puasa sebagaimana dirasai orang lain (kerana telah mangli dengannya). Jadi ia merupakan makluman, bukan doa.

Imam Ibnu Qudamah dalam al-Mughni mentarjihkan; Shaum ad-Dahri (puasa setiap hari) hukumnya adalah makruh secara keseluruhannya (sekalipun orang yang melakukannya tidak berpuasa pada hari raya dan hari-hari Tasyriq) kerana ia mendatangkan masyaqqah, dha'f (kelesuan) dan menyerupai tabattul (amalan kerahiban) yang ditegah oleh Syarak dengan berdalilkan hadis Abdullah bin 'Amru tadi.

WISHAL

Apa maksud Shaum al-Wishal?

Iaitu berpuasa dua hari atau lebih tanpa menjamah makanan atau minuman pada malamnya dengan sengaja tanpa sebarang keuzuran (*yakni berpuasa beberapa hari tanpa diselangi dengan berbuka tanpa ada sebarang keuzuran).[23] Hukum berpuasa sebegini dalam mazhab Syafi'ie adalah makruh tahrim bagi umat Islam sekalipun ia diharuskan bagi Nabi s.a.w. (yakni ia menjadi perkara yang khusus bagi Nabi s.a.w.). Namun, puasa tidaklah batal kerana perbuatan *al-wishal* (menyambung puasa) itu tidak ada kena mengena dengan perbuatan puasa atau dalam pengertian yang lain, tidak timbul darinya apa yang boleh menyebabkan puasa menjadi batal.

---

[23] Jika ia mengambil sebarang minum atau makan sekalipun sedikit maka tidak lagi dinamakan al-wishal. Begitu juga, jika ia melewatkan mengambilkan makanan hingga ke waktu sahur, juga tidak lagi dianggap al-wishal. (Rujuk; al-Majmu', jil. 6, hlm. 374)

Apakah dalil larangan al-Wishal?

Larangan al-wishal ini berdasarkan hadis dari Abdullah ibnu 'Umar r.a. yang menceritakan; "Rasulullah s.a.w. telah melarang dari *al-wishal* (puasa yang bersambung tanpa berbuka atau bersahur). Lalu seorang lelaki berkata; "Tetapi kami lihat engkau menyambung puasa, Ya Rasulullah?". Jawab Rasulullah s.a.w.; "Siapa di kalangan kamu yang sama seperti aku? Aku tidur sedangkan Tuhanku memberi aku makan dan minum". (Riwayat Imam Bukhari dan Muslim).

PUASA HARI ARAFAH BAGI JAMAAH HAJI

Apa dalil dimakruhkan berpuasa pada hari 'Arafah ke atas jemaah haji?

Dalilnya ialah hadis dari Abu Hurairah –radhiyallahu 'anhu- yang menceritakan;

أَنَّ النبي صَلّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّم نهى عنْ صوم يومْ عَرَفَة بعَرَفة

"Sesungguhnya Nabi s.a.w. menegah dari berpuasa pada hari 'Arafah bagi jamaah haji yang berada di 'Arafah". (Riwayat Imam Abu Daud, Ahmad, Ibnu Majah dan al-Hakim)[24]

Menurut mazhab Syafi'ie; tegahan Nabi dalam hadis di atas ialah tegahan makruh, bukan tegahan haram. Maksudnya, makruh berpuasa pada hari itu bagi jemaah haji (adapun bagi orang lain, sunat berpuasa). Yang afdhal pada hari tersebut bagi jamaah haji ialah berbuka (yakni tidak berpuasa) kerana mengikuti perbuatan Nabi.[25] Ada ulamak berpandangan; tegahan di dalam hadis di atas ialah tegahan haram. Dalam pengertian yang lain, wajib berbuka pada hari 'Arafah bagi jemaah haji. Jika mereka berpuasa, hukumnya adalah haram dan berdosa. Pandangan kedua ini ditarjih oleh Imam as-Son'ani dalam Subulussalam.[26]

Apa hikmah larangan berpuasa pada hari 'Arafah itu bagi jemaah haji?

Menurut Imam al-Minawi, dilarang berpuasa pada hari 'Arafah bagi jamaah haji adalah kerana hari 'Arafah adalah hari raya bagi jamaah haji yang berada di Padang 'Arafah, maka dimakruhkan berpuasa kerana sebab tersebut. Selain itu adalah untuk memelihara kekuatan supaya dapat bersungguh-sungguh dalam berdoa…Berkata Imam Ibnu Taimiyyah; 'Sesungguhnya hari 'Arafah adalah hari raya bagi jemaah haji di 'Arafah kerana pada hari tersebut mereka berhimpun di situ. Ia berbeza dengan kaum muslimin di tempat-tempat yang lain

[24] Al-Jami' al-Saghier, hadis no. 9484 (soheh).
[25] Antaranya hadis yang diriwayatkan dari Maimunah isteri Rasulullah s.a.w. yang menceritakan; "Orang ramai ragu-ragu apakah Rasulullah s.a.w, berpuasa atau tidak pada hari 'Arafah". Lalu ia (yakni Maimunah) menghantar kepada baginda satu bekas berisi susu tatkala baginda sedang berwukuf di Padang 'Arafah itu. Lalu baginda meminum susu tersebut dengan dilihat oleh orang ramai kepadanya. (Riwayat Imam Muslim. Lihat hadis ini dalam Soheh Muslim Bisyarhi an-Nawawi, jil. 8, hlm. 5).
[26] Subulus-Salam, Kitabu as-Shiyam, bab Shaumu at-Tatawwu' wa Ma Nuhiya 'An Shaumihi.

di mana mereka berhimpun pada hari *an-Nahr* (yakni 10 Dzulhijjah), maka hari *an-Nahr* tersebut merupakan hari raya bagi mereka'.[27]

HARI-HARI DIHARAMKAN BERPUASA

Apakah hari-hari kita diharamkan berpuasa?

1. Pada hari raya Islam iaitu 'Idil-Fitri dan 'Idil-Adhha
2. Hari-hari tasyriq
3. Selepas pertengahan bulan Sya'ban terutama sehari atau dua hari sebelum masuk bulan Ramadhan
4. Berpuasa sehari atau dua hari sebelum Ramadhan
5. Puasa pada hari Syak
6. Isteri berpuasa sunat tanpa keizinan suami

PUASA HARI RAYA

Apa dalil pengharaman berpuasa pada hari raya?

Dalil pengharaman puasa pada hari raya ini ialah hadis dari Abu Hurairah r.a. yang menyebutkan;

أَنَّ رَسُولَ اللهِ –صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ–: نَهَى عَنْ صِيَامِ يَوْمَيْنِ: يَوْمِ الأَضْحَى وَيَوْمِ الْفِطْرِ

"Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. menegah dari berpuasa pada dua hari; hari raya korban dan hari raya fitrah". (Riwayat Imam Muslim)

Berdasarkan hadis ini, tidak harus (yakni haram) berpuasa pada hari raya sama ada hari raya puasa atau hari raya korban. Hukum ini telah menjadi ijma' antara para ulama'. Jika seseorang berpuasa pada mana-mana hari raya ini, tidak sah puasanya.

Bagaimana jika seseorang itu telah bernazar untuk berpuasa pada dua hari raya itu?

Menurut jumhur ulamak; nazarnya tidak terpakai dan tidak ada apa-apa yang perlu dilakukannya. Namun Imam Abu Hanifah berpandangan; nazarnya dikira, akan tetapi ia wajib berpuasa pada hari yang lain. Jika ia berpuasa pada dua hari raya itu juga, maka tertunai nazarnya sekalipun perbuatannya itu adalah haram (Rujuk: Soheh Muslim bisyarhi an-Nawawi, juz. 8, hlm. 19).

[27] Faidhul-Qadier, hadis no. 9484.

PUASA HARI TASYRIQ

Apa maksud hari-hari tasyriq? Apa dalil larangan berpuasa pada hari-hari tersebut?

Hari-hari tasyriq ialah tiga hari selepas hari raya korban iaitu hari yang ke 11, 12 dan 13 Zulhijjah. Berpuasa pada hari-hari Tasyriq ini adalah haram dan tidak sah. Hukum ini bersabit dengan hadis Nabi s.a.w.;

أَيَّامُ التَّشْرِيقِ أَيَّامُ أَكْلٍ وَشُرْبٍ وَذِكْرٍ لِلَّهِ

"Hari-hari Tasyriq adalah hari-hari makan dan minum serta hari-hari zikrullah". (Riwayat Imam Muslim dari Nubaisyah al-Hudli r.a.)

Menurut ulama', dinamakan hari-hari tersebut dengan at-Tasyriq adalah kerana pada hari-hari tersebut orang ramai melapah-lapah daging korban dan membentang/menjemurnya di tengah matahari (*Kalimah "تشريق" dalam bahasa Arab bermaksud; menjemur daging (Rujuk; Kamus Marbawi)). (Rujuk; Mughni al-Muhtaj, jil. 1, hlm. 584)

PUASA SELEPAS NISFU SYA'BAN

Apa dalil diharamkan berpuasa selepas pertenghahan bulan Sya'ban (Nisfu Sya'ban)?[28]

Iaitulah sabda Nabi s.a.w.;

إِذَا بقي نصفٌ من شَعَبَانَ فَلاَ تصُومُوا

"Apabila berbaki separuh dari bulan Sya'ban maka janganlah kamu berpuasa". (Riwayat Imam at-Tirmizi dari Abu Hurairah r.a.)[29]

Berdasarkan hadis ini dilarang berpuasa selepas nisfu Sya'ban bermula dari tanggal 16 haribulan hinggalah akhir bulan terutamanya sehari atau dua hari sebelum Ramahan (termasuklah hari Syak yang akan disebutkan nanti), sama ada puasa sunat atau puasa kerana *ihtiyat* (yakni dengan niat puasa Ramadhan sebagai berhati-hati) yang kebiasaannya berlaku di penghujung Sya'ban.

Menurut Imam ar-Ruyani; mendahului Ramadhan dengan puasa selepas nisfu Sya'ban hukumnya adalah makruh. Adapun sehari atau dua hari sebelumnya, maka hukumnya adalah haram.

---

[28] (Rujukan mengenai puasa selepas nisfu Sya'ban; Faidhul Qadier, (syarah hadis no. 494), Subulussalam (Kitab Shaum/hadis no. 1 dan no. 12/bab Shaum Tatawwu'), Nailul-Authar, kitab as-Shaum, bab (ما جاء في استقبال رمضان باليوم واليومين و غير ذلك), Bidayatul-Mujtahid (bab Shaum al-Mandub Ilaihi), Soheh Muslim bisyarhi an-Nawawi, I'anah at-Thalibin syarh Fathul-Mu'in (Syeikh Abu Bakar al-Bakri), Anwar al-Masalik (Syeikh Muhammad az-Zuhri al-Ghamrawi), Hasyiah al-Baijuri 'ala Ibnu Qasim (Syeikh Ibrahim al-Baijuri) dan Mughni al-Muhtaj)

[29] Hadis ini diriwayatkan juga oleh Imam Ahmad, Abu Daud, Ibnu Majah, Ibnu Hibban, Abdu ar-Razzaq, al-Baihaqi dan ad-Darimi. Sanadnya soheh. Menurut Imam Tirmizi, hadis ini hasan soheh. (Lihat: Raudhatul-Muttaqien, jil. 3, hlm. 235).

Adakah terdapat pengecualian bagi larangan berpuasa selepas pertengahan Sya'ban itu?

Ya, terdapat pengecualian iaitu untuk orang-orang berikut;

1. Orang yang menyambung puasa yang dimulainya sebelum bulan Sya'ban masuk separuh kedua (yakni sebelum tanggal 16 haribulan) sekurang-kurangnya puasa pada hari nisfu Sya'ban. Dan disyaratkan puasanya itu berterusan hinggalah ke penghujung Sya'ban.[30]

2. Orang yang mempunyai kebiasaan puasa tertentu seperti puasa isnin dan khamis, puasa selang sehari atau puasa *ad-dahri,* kemudian puasanya itu secara kebetulannya melintasi hari-hari selepas nisfu Sya'ban.

3. Orang-orang yang berpuasa dengan bersebab seperti nazar, kaffarah atau Qadha' (termasuklah qadha' puasa sunat).

PUASA SEHARI ATAU DUA HARI SEBELUM RAMADHAN

Apa dalil pengharaman berpuasa sehari atau dua hari sebelum Ramadhan?

Pengharaman puasa sehari atau dua hari sebelum Ramadhan ini sabit dengan hadis Rasulullah s.a.w. iaitu;

لا تَقَدَّمُوا شَهرَ رَمضَانَ بصَوْمِ يَوْمٍ أَوْ يَوْمَيْنِ إِلاَّ رَجُلٌ كَانَ يَصُومُ صَوْمًا فَلْيَصُمْهُ

"Janganlah engkau mendahului Ramadhan dengan berpuasa sehari atau dua hari sebelumnya, kecuali seorang yang sudah biasa berpuasa, maka bolehlah ia berpuasa". (Riwayat Imam Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah r.a.).

Sebahagian ulama' berpendapat; pengharaman tersebut adalah dengan niat ihtiyat kepada Ramadhan. Namun bagi ulama'-ulama' mazhab Syafi'ie, pengharaman tersebut merangkumi juga puasa sunat kecuali dalam kes-kes yang disebut tadi.

Adakah terdapat pengecualian bagi larangan tersebut?

Ya, ada pengecualian iaitu sebagaimana pengecualian bagi larangan berpuasa selepas nisfu Sya'ban tadi iaitu untuk;
1. Orang yang menyambung puasa yang dilakukan sebelumnya
2. Orang yang puasa kerana kebetulan dengan kebiasaan berpuasa
3. Orang berpuasa dengan bersebab seperti puasa Qadha, Nazar dan sebagainya.

[30] Ini berdasarkan penjelasan Syeikh Abu Bakar al-Bakri dalam I'anah at-Thalibin; "Jika ia menyambung puasa selepas nisfu Sya'an itu dengan puasa sebelumnya sekurang-kurangnya pada hari nisfu Sya'ban iaitu dengan berpuasa pada tanggal 15 haribulan Sya'ban dan ia meneruskan puasanya selepas itu hingga akhir bulan, maka tidaklah haram puasa-puasanya selepas nisfu Sya'ban itu". (Juz. 2, hlm. 272). (Lihat juga penjelasan yang serupa dalam; Hasyiah al-Baijuri 'ala Abi Qasim oleh Syeikh Ibrahim al-Baijuri, juz. 1, hlm. 307).

PUASA HARI SYAK

Apa yang dimaksudkan dengan hari Syak?

Hari syak ialah hari ke 30 Sya'ban yang timbul syak atau keraguan di kalangan orang ramai; apakah ia masih bulan Sya'ban atau telah masuk bulan Ramadhan? Keraguan itu timbul kerana ada suara-suara yang memperkata atau menghebohkan bahawa anak bulan Ramadhan telah kelihatan, namun tidak ada saksi yang adil atau yang boleh diterima yang memberitahu atau mendakwa ia melihat anak bulan itu. Hari syak ini diharamkan berpuasa sama ada dengan niat puasa Ramadhan sebagai ihtiyaht (yakni berhati-hati) atau puasa sunat. Jika ada yang berpuasa juga pada hari syak, maka puasanya batal dan ia berdosa.

Apa dalil pengharaman berpuasa pada hari Syak?

Pengharaman puasa hari Syak adalah berdasar kepada kenyataan sahabat Nabi s.a.w. 'Ammar bin Yasir r.a.;

من صَامَ اليومَ الَّذِي شُكَّ فِيهِ فقد عصَى أَبا القاسمِ

"Sesiapa berpuasa pada hari syak, maka sesungguhnya ia mengingkari *Abal-Qasim* (gelaran bagi Rasulullah s.a.w.)". (Riwayat Imam at-Tirmizi)

Adakah terdapat pengecualian bagi larangan tersebut?

Ya, iaitu bagi orang-orang yang telah disebutkan tadi iaitu;
1. Orang yang menyambung puasa yang dilakukan sebelumnya
2. Orang yang puasa kerana kebetulan dengan kebiasaan berpuasa
3. Orang berpuasa dengan bersebab seperti puasa Qadha, Nazar dan sebagainya.

PUASA ISTERI TANPA IZIN SUAMI

Apa dalil diharamkan isteri berpuasa sunat tanpa keizinan suami?

Dalilnya ialah hadis Abu Hurairah r.a. yang menceritakan bahawa Nabi s.a.w. bersabda;

لاَ تَصُمِ الْمَرْأَةُ وَبَعْلُهَا شَاهِدٌ إِلاَّ بِإِذْنِهِ، وَلاَ تَأْذَنْ فِي بَيْتِهِ وَهُوَ شَاهِدٌ إِلاَّ بِإِذْنِهِ، وَمَا أَنْفَقَتْ مِنْ كَسْبِهِ مِنْ غَيْرِ أَمْرِهِ فَإِنَّ نِصْفَ أَجْرِهِ لَهُ

"Janganlah seorang perempuan berpuasa (sunat) ketika suaminya ada bersamanya kecuali dengan keizinannya. Dan janganlah ia memberi keizinan (kepada orang lain) dalam rumah suaminya sedang suami ada bersamanya kecuali dengan keizinannya. Dan apa yang ia infakkan dari hasil kerja suaminya tanpa arahan suaminya, maka separuh pahala infak itu adalah bagi suaminya". (Riwayat Imam Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan hadis ini tidak harus seorang perempuan yang telah berkahwin berpuasa sunat ketika suaminya ada di rumah melainkan dengan keizinan suaminya.

Apakah sebab pengharaman tersebut?

Menurut ulamak; sebab pengharaman tersebut ialah kerana suami mempunyai hak untuk ber*istimta'* (berseronok) dengan isterinya pada setiap hari dan hak ini tidak harus dinafikan semata-mata kerana hendak melakukan suatu ibadah yang sunat.[31]

*******Wallahu a'lam bis-Shawab*******

[31] Lihat; Soheh Muslim Bisyarhi an-Nawawi, jil. 7, hlm. 118 (Kitab; az-Zakah. Bab; Ma anfaqa al-'abdu min mali maulahu).

RUJUKAN DAN BACAAN

1 - المجموع شرح المهذب، للإمام النووي، الجزء السادس، دار الفكر – لبنان (1996)
2 - الفقه الواضح من الكتاب والسنة، الشيخ الدكتور محمد بكر إسماعيل، دار المنار – القاهرة (1990)
3 - بداية المجتهد ونهاية المقتصد، للإمام ابن رشد، مكتبة الإيمان – المنصورة (1997)
4 - مغني المحتاج إلى معرفة معاني ألفاظ المنهاج، للشيخ شمس الدين محمد بن الخطيب الشربيني، دار الفكر – بيروت (2001)
5 - أنوار المسالك شرح عمدة السالك وعمدة الناسك، للشيخ محمد الزهري الغمراوي، مطبعة مصطفى البابي الحلبي – مصر (1948)
6 - سبل السلام شرح بلوغ المرام، للشيخ الإمام محمد بن إسماعيل الصنعاني، دار الفرقان – الأردن (دون التاريخ)
7 - صحيح مسلم بشرح النووي، للإمام النووي، مؤسسة المختار – القاهرة (2001).
8 - روضة المتقين شرح رياض الصالحين، الشيخ عبد القادر عرفان، دار الفكر – بيروت (1998)
9 - حاشية البيجوري على ابن القاسم، الشيخ إبراهيم البيجوري، مطبعة مصطفى البابي الحلبي – مصر (1343هجرية)
10 - حاشية إعانة الطالبين على حل ألفاظ فتح المعين، للسيد أبي بكر بن السيد محمد شطا الدمياطي، مطبعة مصطفى البابي الحلبي – مصر (1938)
11 - نيل الأوطار، الإمام الشوكاني، مكتبة دار التراث – القاهرة.
12 - المغني، الإمام ابن قدامة، مجلد 3، دار الكتب العلمية- بيروت (1994).